

BRUNEI DALAM SEJARAH

Meletakkan Batu Asas sempena Keberangkatan Yang Di-Pertuan Agong Malaysia

Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong Malaysia yang pertama, Tuanku Abdul Rahman Ibni Al-Marhum Yamtuan Muhammad berkenan mengadakan lawatan ke Negeri Brunei Darussalam selama empat hari bermula pada 9 hingga 12 Julai 1959.



Sehubungan dengan itu, satu istiadat telah diadakan iaitu Istiadat Meletakkan Batu Asas sempena keberangkatan baginda yang berlangsung pada 11 Julai 1959. Istiadat tersebut disempurnakan sendiri oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Pertama bertempat di Simpang Jalan Sultan dengan Jalan Elizabeth Kedua iaitu di antara bangunan Kerajaan dengan Pejabat Pos Brunei. Semasa istiadat ini berlangsung, ianya disaksikan oleh ribuan rakyat dan penduduk negeri ini.

Dalam Istiadat Meletakkan Batu Asas ini, Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Pertama

telah bertitah yang antara lain menyatakan bahawa Baginda berasa sukacita meletakkan batu peringatan ini dan berdoa semoga batu peringatan ini akan menjadi lambang perhubungan yang erat antara negara Persekutuan Tanah Melayu dengan negeri Brunei Darussalam pada sepanjang masa sebagaimana teguhnya batu peringatan itu, begitu juga teguhnya perhubungan silaturrahim antara kedua buah negara.

Dengan terbinanya tugu peringatan ini, ia bukan sahaja mewujudkan hubungan politik antara kedua negara malahan mengeratkan lagi hubungan persaudaraan yang sudah sekian lama terjalin.

Istiadat Memasyhurkan Pengisytiharan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanal Bolkiah menjadi Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mahkota

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanal Bolkiah diisytiharkan menjadi Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mahkota pada jam 2:45 petang, 14 Ogos 1961 di Pasiban Agong, Istana Darul Hana. Yang Teramat Mulia ialah putera sulung kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Istiadat Pengisytiharan tersebut berlangsung semasa Yang Teramat Mulia berusia 15 tahun.

Istiadat Memasyhurkan Pengisytiharan Yang Teramat Mulia diumumkan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela dan Surat Pengisytiharan Berterasul Pemasyhuran gelaran Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sembilan belas das meriam ditembakkan sebagai



tanda selesainya Istiadat Memasyhurkan Pengisytiharan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanal Bolkiah menjadi Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mahkota. Doa selamat dibacakan oleh Yang Mulia Begawan Mudim Awang Haji Adanan.

Setelah itu, istiadat diteruskan dengan mengarak Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mahkota mengelilingi Bandar Brunei dengan diiringi kira-kira 500 buah kereta yang terdiri daripada pasukan hadrah dan pasukan yang membawa Alat-alat Kebesaran Diraja seperti sinipit, pedang, tombak dan pahawai dan para jemputan khas.

Perasmian Bahtera di Lagoon Masjid Omar 'Ali Saifuddien

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan merasmikan bahtera di Lagoon Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Brunei sempena Sambutan Nuzul Al-Quran 1400 Hijrah pada 18 Disember 1967.

Bahtera ini yang bentuknya menyerupai bahtera kenaikan Diraja dibina di Lagoon Masjid Omar 'Ali Saifuddien yang menelan belanja kira-kira \$500,000.00. Bahtera ini merupakan kenangan kekal sempena sambutan ini. Ia juga menjadi tempat berlangsungnya pertandingan membaca ayat suci *Al-Quran* dan acara-acara yang berkaitan dengan keagamaan. Di samping itu, ia melambangkan hasrat dan usaha pihak Kerajaan untuk mengembangkan syiar agama Islam sebagai agama rasmi Negeri Brunei.



Istiadat Pengurniaan Panji-Panji Diraja kepada Pasukan Polis Diraja Brunei

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah, berkenan mengurniakan Panji-Panji Diraja kepada Pasukan Polis Diraja Brunei sempena memperingati Ulang Tahun Penubuhan Pasukan Polis Diraja Brunei Ke-50 bertempat di Pusat Latihan Polis Diraja Brunei, Jalan Muara pada 14 Ogos 1971.

Dalam istiadat tersebut Baginda berkenan memeriksa Perbarisan Kehormatan yang diketuai oleh DSP Pengiran Dato Paduka Omar bin Pengiran Dato Penghulu Pengiran Haji Apong dan seterusnya mengurniakan Panji-Panji Diraja kepada PI Awang Zainal bin Sanip bagi pihak Pasukan Polis Diraja Brunei.

Panji-Panji Diraja ini berukuran 3' 112" X 2' 11" berwarna *navy blue*. Di tengah-tengah bendera panji-panji tersebut terletak lambang Pasukan Polis Diraja Brunei yang mengandungi Bendera; Payung Ubur-Ubur; Sayap; Tangan (Kimhap); Bulap; dan dikelilingi oleh Bunga Padi. Panji-panji ini juga dilengkapi dengan Mahkota, selendang dan tiangnya.

